

9A-160

Siri Kenegaraan

Penubuhan Malaysia

Teh Rohaya Yusof
Sulaiman Zakaria

Pustaka Mutiara
Kuala Lumpur

APB

708139

NASKHAH PEMERHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

28 DEC 1993

PUSTAKA MUTIARA

D8, Taman Kok Doh

Off Jalan Segambut

51200 Kuala Lumpur

Tel: 03-6887711/6887722


Cetakan Pertama 1993

AMARAN ATAS HAKCIPTA

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak Penerbit

ISBN: 983-73-0062-0 (Siri)

Dicetak oleh
KOSNET PRESS SDN BHD
KUALA LUMPUR



Prakata


Perasaan cinta kepada negara harus dipupuk di kalangan kanak-kanak seperti kata peribahasa melentur buluh ketika masih rebung. Apabila perasaan ini sudah tersemai dalam hati setiap kanak-kanak, negara tidak akan menghadapi sebarang masalah seperti perpaduan dan sebagainya.

Buku-buku dalam Siri Kenegaraan memberi pelbagai pengetahuan kepada kanak-kanak sekolah seperti bidang pentadbiran, kebudayaan, keselamatan dan sebagainya. Pengetahuan ini amat berguna kerana mengenali Malaysia bererti cinta kepada Malaysia.

Semoga penerbitan buku-buku ini dapat menjawab soalan-soalan yang sentiasa dikemukakan oleh kanak-kanak sekolah tentang sebahagian daripada negara Malaysia.

Januari
Kuala Lumpur

Penulis



PENUBUHAN MALAYSIA

Pengenalan

Negara Malaysia sebuah negara yang baru ditubuhkan. Tahukah kamu bila negara kita ditubuhkan? Negara kita ditubuhkan pada tahun 1963. Jadi sehingga tahun 1992 negara ini berusia 29 tahun.

Sebenarnya negara kita telah lama wujud. Negara kita pernah dijajah oleh orang Barat seperti Portugis, Belanda dan Inggeris. Negara kita mencapai kemerdekaan daripada pemerintahan orang Inggeris pada tahun 1957. Ketika itu negara kita bernama Persekutuan Tanah Melayu.

Negara Malaysia lebih besar daripada Persekutuan Tanah Melayu. Dua buah negeri lagi bersatu dengan Persekutuan Tanah Melayu. Negeri-negeri itu ialah Sabah dan Sarawak. Jadi kini Malaysia terdiri daripada 14 buah negeri.

Negeri-negeri itu ialah Selangor, Perak,


Pahang, Negeri Sembilan, Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Johor, Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan. Wilayah Persekutuan atau Kuala Lumpur dan Labuan ialah negeri yang terbaru.

Mungkin kamu telah mengetahui sejarah negara kita mencapai kemerdekaan. Tahukah kamu bagaimana Malaysia ditubuhkan? Tunku Abdul Rahman digelar Bapa Kemerdekaan.

Tunku Abdul Rahman digelar demikian kerana berjaya memerdekakan Tanah Melayu daripada penjajahan Inggeris. Tunku Abdul Rahman kemudian dikenali sebagai Bapa Malaysia kerana beliau yang menubuhkan Malaysia.

Rancangan Penubuhan Malaysia

Pada tahun 1961, Tunku Abdul Rahman mencadangkan sebuah negeri baharu yang lebih besar ditubuhkan. Negara yang besar akan menjadi lebih kuat. Rakyat bertambah ramai dan mereka boleh mengerjakan sumber-sumber kekayaan yang ada.



Kuala Lumpur ibu negara Malaysia

Negara kita kaya dengan hasil negara. Negara kita terkenal dengan hasil bijih timah dan getah. Selain itu negara kita menghasilkan kelapa sawit, kayu balak dan petroleum.

Tunku Abdul Rahman mahu membantu negeri-negeri yang masih belum merdeka turut merdeka seperti Persekutuan Tanah Melayu. Negeri-negeri itu ialah Singapura, Brunei, Sabah dan Sarawak. Negeri-negeri ini dijajah oleh orang Inggeris.

Negeri Sabah dan Sarawak pula dua buah negeri yang mundur. Kerajaan Inggeris yang menjajah negeri itu tidak mahu memajukan negeri-negeri itu. Negeri-negeri itu tidak mempunyai hasil yang mencukupi. Penjajah hanya mahu mencari keuntungan.

Tunku Abdul Rahman mahu menyekat kegiatan orang komunis juga. Pada masa itu orang komunis semakin kuat di Singapura, Sabah dan Sarawak. Kegiatan komunis di Singapura akan merebak ke Tanah Melayu jika tidak dikawal. Orang komunis akan

menyebabkan rakyat Tanah Melayu hidup menderita.

Di Tanah Melayu kegiatan komunis dihapuskan pada tahun 1960. Selama 12 tahun penduduk Tanah Melayu hidup dalam ketakutan sejak tahun 1948. Mereka dibunuh. Lombong-lombong dan ladang-ladang getah dimusnahkan. Rumah dan kedai dibakar. Landasan kereta api dan jalan raya dirosakkan.

Kerajaan pula terpaksa berbelanja beratus-ratus ribu ringgit untuk melawan orang komunis. Kerajaan menubuhkan pasukan tentera dan polis untuk menjaga keselamatan rakyat. Kerajaan terpaksa membaiki bangunan dan landasan kereta api kerana dimusnahkan oleh komunis.

Daripada pengalaman inilah Tunku Abdul Rahman tidak mahu orang komunis kuat semula di Singapura. Mereka mesti dihapuskan. Caranya ialah dengan menjadikan Singapura sebahagian daripada Malaysia.


Presiden Singapura, Lee Kuan Yew

bersetuju dengan cadangan Tunku Abdul Rahman. Beliau akan mendapat beberapa faedah dengan menyertai Malaysia. Beliau sedar yang Singapura tidak dapat melawan orang komunis jika tidak dibantu. Lagi pun Singapura akan mendapat kemerdekaan melalui Malaysia.

Bagaimanapun, jika Singapura disatukan dengan Persekutuan Tanah Melayu terdapat satu masalah yang besar. Masalah itu ialah bilangan orang Cina di Malaysia akan menjadi lebih banyak daripada bilangan orang Melayu.

Ketika itu penduduk Tanah Melayu terdiri daripada 60% orang Melayu dan 30% orang Cina dan 10% orang India. Penduduk Singapura pula terdiri daripada lebih kurang 90% orang Cina. Apabila digabungkan tentulah bilangan orang Cina jauh melebihi bilangan orang Melayu.

Tunku Abdul Rahman berfikir bagaimana untuk mengatasi masalah ini. Beliau berpendapat masalah ini boleh diatasi jika negeri-negeri Brunei, Sabah dan Sarawak dijemput sama ke dalam Malaysia.




Tentera Malaysia berusaha membanteras kegiatan komunis

Penduduk negeri-negeri ini terdiri daripada orang Melayu dan kaum-kaum Bumiputera yang lain. Dengan cara ini bilangan orang Melayu akan menjadi lebih banyak daripada orang bukan Melayu.

Tunku Abdul Rahman memberitahu pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak serta Sultan Brunei tentang rancangan beliau. Pemimpin-pemimpin negeri itu ada yang bersetuju dan ada yang tidak.

Mereka yang bersetuju diberitahu bahawa mereka akan mendapat kemerdekaan seperti Persekutuan Tanah Melayu. Selain itu mereka sama-sama maju dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Mereka yang tidak bersetuju pula memberi beberapa sebab. Mereka mengatakan mereka akan menjadi negeri yang dijajah oleh orang Melayu setelah bebas daripada orang Inggeris. Mereka tidak mahu dijajah sekali lagi. Mereka mahu jadi bangsa yang bebas.



Masyarakat Cina kaum kedua terbesar di Malaysia

Mereka mahu memerintah sendiri. Mereka mahu memajukan negeri-negeri mereka. Mereka marah kepada orang Inggeris yang tidak memajukan negeri mereka.

Tunku Abdul Rahman berjanji tidak akan menjadi penjajah seperti orang Inggeris. Beliau mahu semua rakyat menjadi maju dan hidup dalam kemakmuran. Mereka akan hidup dalam aman damai.

Bagaimanapun, pemimpin negeri-negeri itu tetap mempercayai janji Tunku Abdul Rahman. Mereka bimbang akan kehilangan kuasa dalam pentadbiran. Kuasa itu dirampas oleh orang Melayu dari Persekutuan Tanah Melayu.

Di Brunei, seorang pemimpin bernama A.M. Azahari menentang penubuhan Malaysia. Beliau mahu menubuhkan negeri sendiri. Beliau mahu menyatukan negeri Sabah dan Sarawak dengan negeri Brunei. Beliau marah kepada Sultan Brunei yang berminat untuk menyertai Malaysia.



*DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Brunei sekarang*

Pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak terus menentang rancangan Tunku Abdul Rahman. Tunku Abdul Rahman tidak berputus asa. Beliau mengadakan perundingan dengan pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak.

Beliau menjemput pemimpin-pemimpin negeri Sabah dan Sarawak melawat Persekutuan Tanah Melayu. Beliau mahu pemimpin-pemimpin itu melihat kemajuan yang telah dicapai oleh rakyat Persekutuan Tanah Melayu.

Tunku Abdul Rahman menunjukkan kepada pemimpin-pemimpin itu kemajuan di Tanah Melayu seperti bidang pendidikan. Di Tanah Melayu terdapat beribu-ribu buah sekolah dan beberapa buah universiti. Di Tanah Melayu terdapat pasukan tentera dan polis. Begitulah juga kemajuan dalam bidang-bidang lain.

Seorang demi seorang pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak mula yakin dengan kata-kata Tunku Abdul Rahman. Akhirnya ramai pemimpin yang bersetuju untuk menyertai Malaysia.



Kampung Ayer terkenal di Brunei Darulssalam

Antara pemimpin Sarawak yang menyokong Tunku Abdul Rahman ialah Tuanku Haji Bujang. Di Sabah pula ialah Tun Datu Mustapha bin Datu Harun.


Tunku Abdul Rahman begitu gembira apabila ramai pemimpin Sabah dan Sarawak bersetuju untuk menyertai Malaysia, Tunku Abdul Rahman mula berunding dengan kerajaan British.

Bagaimanapun, pemimpin-pemimpin yang masih menentang penubuhan Malaysia cuba menghalang perundingan itu.

Tunku Abdul Rahman berbincang dengan kerajaan Inggeris. Kerajaan British membentuk Suruhanjaya Cobbold.

Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan bertujuan meninjau pendapat penduduk Sabah dan Sarawak sama ada bersetuju atau tidak menyertai Malaysia.

Pada 1 Ogos 1962, laporan Suruhanjaya



Terdapat beribu-ribu buah sekolah di Malaysia

Cobbold dikeluarkan. Didapati lebih daripada 70% penduduk Sabah dan Sarawak ingin menyertai Malaysia.

Tunku Abdul Rahman berasa gembira dengan keputusan rakyat itu. Selama ini beliau hanya mendengar daripada pemimpin-pemimpin negeri-negeri itu yang tidak bertanggungjawab. Mereka mengatakan rakyat Sabah dan Sarawak yang tidak bersetuju.

Pada 16 September 1963, negara Malaysia diisytiharkan oleh Tunku Abdul Rahman. Sekali lagi Stadium Merdeka mengulangi sejarah. Beribu-ribu rakyat berkumpul di Stadium itu.

Tiga puluh lima tahun dahulu stadium ini dijadikan tempat pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu iaitu dalam tahun 1957. Kini rakyat Persekutuan Tanah Melayu bergelar rakyat Malaysia.

Apabila Malaysia diisytiharkan Tunku Abdul Rahman dan pemimpin-pemimpin lain sangat gembira. Rakyat Malaysia turut berasa gembira.



Rakyat Malaysia bersatu-padu

Bagaimanapun, kegembiraan itu bertukar menjadi kesedihan. Tahukah kamu mengapa?

Hal ini disebabkan dua buah negara jiran menentang penubuhan Malaysia. Negeri-negeri jiran itu ialah Indonesia dan Filipina.


Tentangan Terhadap Malaysia

Presiden Indonesia Sukarno tidak senang hati dengan penubuhan Malaysia. Beliau marah kepada Tunku Abdul Rahman kerana tidak memberitahu beliau tentang rancangan penubuhan Malaysia.

Sukarno mengatakan beliau pemimpin besar di Tenggara Asia. Indonesia sebuah negara besar. Tunku Abdul Rahman patut berunding dengan beliau terlebih dahulu.

Sukarno bercita-cita menjadikan negara Indonesia lebih besar dengan menyatukan Indonesia dengan Sabah dan Sarawak.

Oleh itu Sukarno bercadang akan



Kedutaan Republik Indonesia di negara kita

menghapuskan Malaysia. Beliau menuduh Malaysia sebagai negara yang ditubuhkan oleh orang Inggeris.

Sukarno sangat benci kepada orang Barat seperti Belanda dan Inggeris. Sukarno pernah berperang dengan orang Belanda yang menjajah Indonesia. Sukarno berjaya mencapai kemerdekaan daripada Belanda.

Sukarno mengisytiharkan konfrontasi atau permusuhan terhadap Malaysia. Sebenarnya Indonesia telah terpengaruh oleh Parti Komunis Indonesia. Pada pendapat orang komunis, penubuhan Malaysia akan menjejaskan pengaruh komunis di Asia Tenggara. Orang komunis mahu menawan semua negeri di Asia Tenggara.

Indonesia melancarkan penentangan terhadap penubuhan Malaysia secara terbuka pada bulan Februari 1964. Konfrontasi diperhebatkan lagi selepas penubuhan Malaysia.

Sukarno begitu marah sehingga akhirnya




Tentera Malaysia menjaga keamanan negara semasa berlaku konfrontasi

menghantar angkatan tentera untuk menyerang Malaysia. Indonesia melancarkan serangan terhadap Malaysia mulai November 1963. Pada tahun 1964 tentera udara Indonesia telah mendarat di Pontian, Labis, Muar dan Kota Tinggi, Johor.

Tentera Indonesia itu dengan mudahnya ditawan oleh tentera kita. Tentera Indonesia berasa kesal kerana menyerang Malaysia. Penduduk Malaysia terdiri daripada orang Melayu yang sebangsa dengan mereka.

Tahukah kamu bahawa Indonesia telah menghantar pengintip untuk menubuhkan pertubuhan sulit untuk menggulingkan kerajaan Malaysia. Sebagai langkah menjatuhkan kerajaan Malaysia, pengintip itu membangkitkan perselisihan antara kaum Melayu dengan Cina.

Keadaan yang buruk itu memaksa Malaysia menghantar bantahan rasmi kepada Setiausaha Agong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tentang tindakan Indonesia. Perwakilan Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-



Tentera Indonesia telah mendarat di Labis dan Muar


Bangsa Bersatu diketuai oleh Dato' Dr. Ismail Abdul Rahman.

Kerajaan Malaysia menubuhkan Pasukan Pertahanan Tempatan atau Askar Wataniah untuk menentang gerila Indonesia. Mereka akan membantu Angkatan Tentera Malaysia.

Sukarno menghantar tentera ke sempadan Sabah dan Sarawak pula. Pertempuran kecil berlaku hingga mengorbankan tentera Malaysia. Rakyat Malaysia berasa sedih atas tindakan Sukarno yang tidak berperikemanusiaan itu.

Bagaimanapun konfrontasi yang telah dilancarkan oleh kerajaan Indonesia itu memberi kebaikan kepada Malaysia juga. Konfrontasi tersebut telah berjaya membina semangat perpaduan di kalangan penduduk Malaysia daripada semua kaum.

Rakyat semua kaum berazam untuk mempertahankan kedaulatan negara daripada ancaman musuh terutama golongan komunis.




Bendera Filipina

Negara Filipina menentang Malaysia juga. Presiden Filipina iaitu Presiden Marcos menuntut Sabah sebagai hak Filipina. Bagaimanapun tentangan Filipina tidak sehebat Indonesia.

Presiden Marcos tidak mahu menyerang Malaysia. Beliau lebih bertimbang rasa. Beliau hanya memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia. Tahukah apa itu hubungan diplomatik? Hubungan diplomatik ialah hubungan antara negara-negara.

Pada tahun 1965 satu pemberontakan komunis berlaku di Indonesia. Pemberontakan itu bertujuan menggulingkan Presiden Sukarno. Rampasan kuasa ini telah membunuh beberapa orang jeneral Indonesia. Rakyat Indonesia sangat marah kepada orang komunis.

Jeneral Suharto berjaya mengalahkan orang komunis. Beliau dilantik menjadi presiden yang baharu. Presiden Suharto mahu berbaik-baik semula dengan Malaysia. Adam Malek iaitu Menteri Luar Indonesia berusaha berdamai dengan Malaysia.



Bendera Indonesia

Pada bulan Jun 1966 Indonesia dan Malaysia menandatangani perjanjian damai. Akhirnya konfrontasi ditamatkan.


Rakyat kedua-dua negara menyambut baik perdamaian itu. Mereka hidup berjiran semula. Perdamaian itu hasil usaha Adam Malik dan Tun Abdul Razak. Siapakah Tun Abdul Razak?

Pada masa yang sama, Filipina turut mengiktiraf Persekutuan Malaysia walaupun masih menuntut Sabah. Presiden Marcos mahu menjalinkan hubungan diplomatik dengan Malaysia semula.

Filipina mengiktiraf penubuhan Malaysia pada bulan Jun 1966. Semua rakyat Malaysia gembira dengan perubahan sikap negara ini.

Perpisahan Singapura

Kegembiraan Tunku Abdul Rahman dan rakyat hilang semula. Negara Singapura pula menimbulkan masalah. Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew mula membuat huru-



Kedutaan Singapura di Malaysia

hara. Beliau berkata semua rakyat Malaysia mempunyai hak yang sama.

Beliau mempersoalkan hak-hak istimewa orang Melayu yang telah dijamin oleh perlembagaan Malaysia. Orang Melayu sepatutnya tidak mempunyai hak istimewa kerana orang bukan Melayu rakyat negeri ini juga. Demikian pendapat Lee Kuan Yew.

Pilihan raya yang pertama bagi Parlimen Malaysia diadakan pada tahun 1964. Lee Kuan Yew yang mengetuai Parti PETIR telah bertanding menentang parti Perikatan.

Dalam kempennya, Lee Kuan Yew telah membangkitkan isu-isu perkauman. Hal ini menimbulkan keadaan tegang di kalangan rakyat Malaysia. Pergaduhan mungkin berlaku antara orang Melayu dengan bukan Melayu jika keadaan itu dibiarkan.

Tunku Abdul Rahman, pemimpin-pemimpin dan rakyat Tanah Melayu berasa marah kepada Lee Kuan Yew. Demi keselamatan negara dan



Bendera Singapura

perpaduan di Malaysia, kerajaan Persekutuan mengambil keputusan untuk mengeluarkan Singapura daripada Persekutuan Malaysia.

Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan Singapura dipisahkan daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965. Singapura menjadi sebuah negara yang merdeka. Lee Kuan Yew kekal menjadi Perdana Menteri Singapura. Rakyat Malaysia bergembira dengan tindakan Tunku Abdul Rahman yang tegas.

Tunku Abdul Rahman berasa sedih dengan kehilangan Singapura. Singapura pada asalnya sebuah negeri Melayu iaitu sebahagian daripada Empayar Johor. Rakyat Malaysia berpendapat biarlah hilang Singapura asalkan Malaysia kekal aman dan sejahtera.

